

Dr Mastura Badzis →

bhrita@bharian.com



Bonda dua anak: Saya bercerai secara baik dengan suami. Dua anak, berusia tiga dan lima tahun di bawah jagaan saya. Saya tidak pernah memburuk-burukkan suami di depan anak, tapi saya agak terkejut apabila mereka langsung tidak mahu berjumpa dan menyebut nama bapanya. Adakah kanak-kanak seusia itu sudah memahami mengenai kedudukan sebenar mereka

Kanak-kanak di peringkat usia prapersekolahan sekitar lingkungan umur tiga hingga enam tahun belum dapat memahami konsep sebenar perceraian. Jika ditanya atau diceritakan kepadanya, biasanya kanak-kanak di peringkat usia ini sekadar memahami 'bercerai' bermaksud ibu atau bapanya tidak akan tinggal serumah. Bercerai bermaksud ibu dan ayah sudah 'tidak kahwin' dan sudah tidak sayang antara satu sama lain. Kanak-kanak sekitar usia prasekolah memang sebenarnya belum begitu memahami apa yang berlaku.

Bagaimanapun, ini tidak bermaksud ibu dan bapa sewenang-wenangnya boleh membohongi anak dengan membuat cerita bukan-bukan dan cuba menyorokkan perkara sebenar.

Kesan perceraian

Ini hanya akan menimbulkan kesan lebih teruk terutama apabila dapat menghidu ayah dan ibu tidak jujur. Mereka akan belajar berbohong daripada ibu bapanya sendiri.

Kesan perceraian tetap dirasakan anak, tapi mungkin tidak disedari ibu atau bapa. Memang kanak-kanak akan terkesan secara langsung sekiranya dalam tempoh perceraian, si kecil sendiri menyaksikan ibu dan bapanya bergaduh serta bertengkar di hadapannya.

Sekiranya perceraian berlaku cara baik, ini bukan bermakna kanak-kanak tidak terkesan dengan apa yang berlaku kerana sebagai manusia biasa bila sesuatu masalah melanda kehidupan, sudah pastinya raut wajah sugul tidak dapat disembunyikan dan hati anak yang putih bersih itu dapat 'menghidu'.

Ibu atau bapa mungkin secara tidak sengaja sudah mengubah amalan kebia-



Konflik emosi si kecil

» Terus terang mengenai perceraian, elak anak keliru dan memberontak

saan yang dilakukan dalam mengasuh atau mendidik anak.

Tanpa disedari disebabkan emosi yang agak terganggu dalam tempoh bercerai, pastinya ibu atau bapa mungkin bersikap dingin, cepat naik angin dan kurang memberi maklum balas terhadap anak. Apatah lagi jika melihat ibu dan ayahnya tinggal sebumbung.

Gusar dan kecewa

Kanak-kanak di peringkat awal usia mudah gusar dan amat risau terhadap apa yang akan berlaku pada masa depan mereka. Meskipun si kecil mungkin tidak meluuhkannya secara terbuka, mereka akan menyimpan rasa bimbang, kecewa dan marah.

Memang tidak terungkap dengan kata-kata, tetapi ia dilahirkan dengan tingkah laku atau sikap yang mungkin tidak diduga ibu atau bapa.

Meskipun ibu tidak pernah memburuk-burukkan nama ayahnya di hadapan anak atau sebaliknya, namun konflik antara ayah dengan ibu yang diperhati atau dirasai si kecil secara senyap men-

“

SI KECIL MUNGKIN SECARA TIBA-TIBA ASYIK MEMEGANG TEDDY BESARNYA YANG LAMA DITINGGALKAN, ATAU DIA MUNGKIN MENUNJUKKAN SIKAP MEMBERONTAK, MENJAUHKAN DIRI DARIPADA IBU ATAU BAPANYA”

cetuskan rasa cemas dan keliru dengan apa yang berlaku.

Kawal emosi

Malah, kajian ilmiah membuktikan apa yang berlaku sudah mencetuskan rasa tidak selamat dan tidak tenteram di hati si kecil dalam konteks hubungan rapat dengan ibu dan bapanya.

Sikap *denial* (menafikan atau mengelak) seperti yang dipaparkan anak secara tiba-tiba sudah cukup membuktikan dia sebenarnya dalam keadaan tertekan dan perlu diberi perhatian.

Hal ini berlaku kerana kanak-kanak di peringkat usia ini sering menganggap mereka 'bertanggungjawab' sekiranya ibu dan ayah berpisah.

Melihat kepada ciri semula jadi si kecil bersikap 'egosentrik' dan suka 'mengawal' sesuatu perkara mengikut kehendak dan kemahuannya sendiri, tidak hairanlah jika dia menganggap dirinya penyebab kepada berlakunya perceraian. Si kecil dengan mudah akan rasa bersalah tanpa sebab dan menyalahkan dirinya kerana tidak dapat 'men-

wal' perpisahan.

Dalam situasi ini, pasangan berpisah dan mempunyai anak perlu berhati-hati dalam menjaga sensitiviti serta perasaan mereka. Imajinasi anak amat tinggi.

Persoalan bermain dalam fikiran anak boleh memberi kesan dan mempengaruhi tingkah lakunya.

Si kecil mungkin secara tiba-tiba asyik memegang teddy besarnya yang lama ditinggalkan, atau kencing di tempat tidur meskipun sudah sempurna latihan ke tandas atau dia mungkin menunjukkan sikap memberontak, menjauhkan diri daripada ibu atau bapanya.

Perkara asas perlu dilakukan ibu atau bapa yang menjaga mereka ialah memastikan si kecil berasa yakin dirinya tetap disayangi biar apapun berlaku.

Beritahu anak dan berterus terang dengan gaya bahasa mudah difahami mengenai apa berlaku. Mungkin si kecil tidak memahami apakah itu 'berpisah', jelaskan kepadanya menggunakan 'ayat kanak-kanak' seperti, 'mama dan papa duduk rumah lain-lain' dan sebagainya.

INFO**Tip elak anak tertekan**

- ⊙ **Sebaik-baiknya** ibu dan ayah bersama-sama memberitahu si kecil mereka sekarang tinggal di rumah berbeza.
- ⊙ **Ibu dan ayah** perlu selalu berkata kepada si kecil, dirinya amat disayangi dan tidak akan dibiarkan.
- ⊙ **Berkomunikasi** dengan anak mengenai perasaan sedang dialaminya supaya dapat meluahkan rasa ketakutan, rasa bersalah dan rasa cemas melanda dirinya.
- ⊙ **Yakinkan** anak dia tidak bersalah.
- ⊙ **Baca** buku cerita mengenai perceraian yang dapat memberikan gambaran kepada dirinya mengenai hal itu.
- ⊙ **Beritahu** anak dia tetap akan berjumpa dengan ibu dan ayahnya dan perancangan untuk menziarahi ayah atau ibunya sudah diatur supaya perceraian tidak menimbulkan kesan negatif kepada si kecil.
- ⊙ **Elak** menunjukkan rasa marah di hadapan anak terhadap apa berlaku.
- ⊙ **Nyatakan** masalah berlaku akibat perceraian seperti masalah kewangan supaya tidak keliru.
- ⊙ **Usah** berbicara mengenai prosedur perceraian di hadapan anak meskipun secara baik atau hanya melalui telefon.

Anda ada masalah dengan anak?

Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhrita@bharian.com.my atau melalui pos di alamat **Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.**